

Panduan ibadah permudah mangsa banjir

Oleh Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Musibah banjir yang menimpa negara sejak pertengahan Disember lalu bukan saja menyebabkan kes kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda sebaliknya turut memberi kesan kepada amalan ibadat seharian dalam kalangan umat Islam.

Peka terhadap situasi itu, lapan penyelidik Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengambil inisiatif melawat ke kawasan yang teruk dilanda banjir sekitar daerah Temerloh dan Maran bagi mendapatkan maklumat mengenai isu berkenaan fiqh bencana banjir.

Ketua penyelidik merangkap Pengarah IN-



KITA INGIN TAHU SETAKAT MANAKAH PEMAHAMAN MANGSA BANJIR MENGENAI IBADAT DI TEMPAT DITENGGELAMI AIR SEPERTI BERWUDUK DENGAN AIR BANJIR"

Dr Irwan Mohd Subri,
Ketua penyelidik merangkap Pengarah INFAD



Dr Irwan (belakang, kiri) bersama-sama rakan penyelidik yang menjalankan kajian fikah bencana banjir.

FAD, Dr Irwan Mohd Subri, berkata kajian ini diharap dapat membantu mereka membangunkan modul atau panduan fiqh bencana banjir memandangkan belum ada panduan sedemikian dibangunkan mana-mana pihak setakat ini.

"Panduan fikah bencana banjir ini penting bagi mengatasi sebarang kekeliruan tentang isu ibadat yang dialami mangsa seperti dalam perkara bersuci (taharah), solat, aurat, percampuran lelaki dan wanita, pengurusan jenazah, harta yang dijumpai dan pelupu-

san ayat suci al-Quran.

"Selain itu, kita turut memfokuskan isu keagamaan dari sudut akidah mangsa banjir dengan mendalami sejauh manakah bencana ini memberi kesan terhadap akidah mereka," katanya.

Katanya, dapatan awal menunjukkan mangsa banjir menerima kejadian yang berlaku sebagai qada dan qadar daripada Allah SWT.

Nasihat keagamaan

Selain menjalankan temubual bersama-sama mangsa banjir, penyelidik turut menyampaikan bantuan minuman, makanan, pa-

kaian dan khidmat kesukarelawan kepada mangsa serta memberikan nasihat keagamaan kepada mereka yang memerlukan.

Dr Irwan berkata, semasa berada di kawasan penempatan banjir, banyak pertanyaan diterima termasuk kaedah pelupusan al-Quran yang rosak akibat banjir dan mengambil wuduk daripada air banjir.

"Kita ingin tahu setakat manakah pemahaman mangsa banjir mengenai pelaksanaan ibadat di tempat yang ditenggelami air seperti mengambil wuduk dengan air banjir.

"Berdasarkan pemerhatian kami masih ada mangsa tidak tahu bahawa air banjir boleh digunakan untuk mengambil wuduk dan mandi wajib," katanya.

Beliau berharap modul atau panduan fikah banjir yang bakal dibangunkan kelak dapat diedarkan kepada mangsa jika berlaku bencana banjir pada masa akan datang.

"Kita turut mencadangkan sesi pengisian keagamaan di pusat penempatan banjir seperti kelas mengaji dan ceramah agama untuk mengisi masa lapang mangsa," katanya.